

Ahli parti alu-alukan ucapan penggulungan Presiden

BH 14 MAY 2000

UCAPAN berterus terang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan di perhimpunan agung Umno semalam **disifatkan** bukti keikhlasan Perdana Menteri untuk memastikan **parti itu** terus relevan kepada **bangsa** Melayu dan rakyat Malaysia **pada** masa akan datang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pemimpin harus sanggup **menemui** rakyat dan **memberi** penjelasan mengenai pelbagai tohmahan kepada **parti** dan kerajaan, bukannya menyerahkan kepada **pucuk** pimpinan **se-mata-mata**.

Katanya, **saranan** Dr Mahathir supaya semua pemimpin **parti** turun padang, jika dilaksanakan, boleh mengukuhkan lagi kedudukan Umno dan menarik semula sokongan rakyat, yang terjejas **pada** pilihan raya **umum** lalu.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikannya nanti, Najib berkata perkara itu sudah **diterima** sebagai prinsip **parti** iaitu Timbalan akan menggantikan Presiden.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menyifatkan ucapan Dr

Mahathir sebagai amat baik dan berjaya menaikkan moral ahli **parti** untuk **memperku-**kuhkan semula Umno.

Katanya, Presiden **parti** menggariskan tanggungjawab pemimpin dan ahli **parti** serta perkara remeh temeh yang perlu diketepikan bagi **membina** kekuatan itu.

“Umno berkehendakkan ahli **parti** yang mampu bertindak **pada** bila-bila masa dan di **mana-mana** jua, sekali gus mengesahkan kualiti Umno sebagai **parti** teras Barisan Nasional.

“Tidak ada gunanya kerajaan kuat tetapi Umno lemah. Untuk dijadikan Umno kuat, ia memerlukan ahli Umno yang kuat,” katanya.

Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, **pula**, berkata ucapan Presiden Umno **memberi** semangat tinggi kepada ahli **pada** semua **pering-**kat untuk bekerja keras kerana cabaran besar yang dihadapi.

“Perdana Menteri **mengi-**ngatkan usaha yang kita lakukan perlu mencapai ke **pering-**kat akar umbi untuk pulihkan keyakinan masyarakat Melayu

terhadap Umno,” katanya.

Selain itu, pendekatan tolak ansur dalam menyelesaikan konflik dan permasalahan yang dihadapi pegawai tadbir kerajaan perlu.

Ketua pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata semua ahli Umno perlu memastikan **parti** sentiasa terpelihara dan hanya perpaduan serta kesedaran ahli dapat memulihkan semula imej **parti**.

“Kalau ucapan Dr Mahathir **tadi** tidak dapat dihayati, maka tidak relevanlah **parti** kita dari segi semangat perjuangan,” katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, bersetuju dengan **saranan** Presiden supaya **penyo-**kong bekas ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, **memberi** kerjasama kepada **barisan** pemimpin yang **baru**.

Beiiiau berkata, adalah satu perkara yang merugikan sekiranya mereka (penyokong Zaharah) tidak memberi sokongan kepada Wanita kerana setiap program yang diatur **barisan** baru itu, hanyalah untuk kepentingan ahli.

Ketika ditanya sama ada beliau dapat menyatukan semula

ahli Wanita, Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, ahli pergerakan itu memang tidak inginkan perpecahan.

“Bukan saya yang akan **satu-**kan. Itu semua perasaannya.. . kalau dia sayang **pada** **parti**, ikutlah program, yang dibuat. Sekarang ini, Wanita Umno kena tepuk dada, tanya **sele-**ra.. .” katanya.

Ketua Menteri Melaka yang juga ahli MT, Datuk Wira Ali Rustam, berkata semua **perwa-**kilan perlu menjadikan **penga-**laman **pada** pilihan raya lalu sebagai cabaran untuk mereka kerja dengan lebih kuat.

“Jika semua ahli Umno **bek-**kerja dengan lebih gigih **tanpa** mengutamakan balasan, **saya** yakin **parti** ini boleh mencapai majoriti undi yang lebih baik **pada** pilihan raya akan datang,” katanya.

Ahli MT, Datuk Kadir Sheikh Fadzil berkata ucapan Presiden itu dapat **menggerak-**kan ahli untuk **memperku-**kuhkan **parti**.

“Saya berasa Presiden sudah memberangsangkan ahli dan tepukan gemuruh secara spontan oleh semua perwakilan **me-**nunjukkan ada semangat **baru**,” katanya.